



UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH
جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية بيهابن
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

DU055(C)



UNIVERSITI
PERTAMA
MILIK KERAJAAN
NEGERI PAHANG
DARUL MAKHRU

KOD ETIKA & NILAI ANGGOTA KERJA

UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH (UnIPSAS)



kod etika & nilai

PRAKATA

Nilai dan etika kerja merupakan elemen penting di dalam sesebuah organisasi untuk membina keperibadian yang berkualiti dan jati diri anggota kerjanya. Kejayaan dan pencapaian sesebuah organisasi tidak bergantung pada pembaharuan sistem-sistem kerja dan teknologi semata-mata, malah ia berkait rapat dengan nilai dan perilaku anggota kerjanya. Kod Etika dan Nilai Anggota Kerja ini merupakan panduan dan pedoman asas bagi setiap anggota kerja UnIPSAS di dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan penuh berintegriti. Kod Etika dan Nilai Warga juga menyentuh tentang perkara-perkara seperti kelakuan dan etika kerja serta panduan tentang tingkah laku yang bertujuan mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni serta mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan yang profesional.

”

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ اُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ
 فَلَأُخْبِرَنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً ۖ وَلَأَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ
 بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

(سورة النحل: 97).

Sesiapa yang beramal soleh, dari kalangan lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalaik mereka dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

Surah al-Nahl : 97



KATA ALUAN NAIB CANSELOR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Kod Etika dan Nilai Anggota Kerja UnIPSAS ini adalah satu usaha untuk menerapkan budaya kerja berintegriti kepada semua anggota kerja UnIPSAS. Tujuan utama pengeluaran Kod Etika dan Nilai Anggota Kerja UnIPSAS ini adalah untuk memberikan penerangan secara ringkas dan tepat mengenai prinsip-prinsip nilai dan etika anggota kerja serta pematuhan kepada peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa di UnIPSAS. Ianya adalah terpakai kepada semua Pengurusan Atasan, staf Akademik dan staf Pentadbiran dan staf sokongan di UnIPSAS. Saya berharap Kod Etika dan Nilai ini akan dapat membantu semua anggota kerja UnIPSAS menjalankan tugas dengan penuh berintegriti, bertanggungjawab, cekap dan berkesan dalam menjadikan Universiti ini berdaya saing, produktif dan cemerlang demi mencapai visi dan misi UnIPSAS.

PROF. MADYA DR. MOHD ZAWAVI BIN ZAINAL ABIDIN
Naib Canselor UnIPSAS

VISI

Menjadi Pusat Kecemerlangan Ilmu
dan Keterampilan Insan.

MISI

Beriltizam meningkatkan kualiti akademik yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli bagi melahirkan individu yang seimbang, berdaya saing dan bersahsiah, melalui budaya pengurusan, profesional dan persekitaran yang kondusif

FALSAFAH

Pendidikan bersepadau berteraskan ilmu, iman dan amal melahirkan insan bertakwa, berketerampilan dan berkepemimpinan membentuk masyarakat sejahtera dan harmoni dunia dan akhirat

OBJEKTIF UnIPSAS

-
- 1 Menyediakan program pengajian berkualiti berlandaskan Islam dan bersesuaian dengan keperluan semasa
 - 2 Meningkatkan profesionalisme tenaga akademik dan pengurusan melalui pembangunan staf.
 - 3 Membentuk individu yang berilmu, beriman, berakhlik mulia dan berdaya saing
 - 4 Membangun dan melengkapkan prasarana pendidikan terkini bagi menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan efisien
 - 5 Menjadikan UnIPSAS sebagai pusat penyelidikan dan rujukan kearah pembangunan pendidikan sejagat.

NILAI-NILAI MURNI ANGGOTA KERJA UnIPSAS

تَعْلِمُ

TA'ALLUM

Sikap suka mencari ilmu pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat.

تَذَكَّرُ

TAZAAKUR

Saling ingat mengingati dalam perkara yang membawa kebaikan di dunia dan akhirat.

تَعَاوُنٌ

TA'AWUN

Saling bantu-membantu dalam perkara kebaikan dan kebijakan.

TANGGUNGJAWAB ANGGOTA KERJA UnIPSAS

- | | |
|--|---|
| Menghayati serta mengamalkan Falsafah, Misi, Visi dan Objektif UnIPSAS; | Menyumbang ilmu dan kepakaran secara produktif dan efektif |
| Menghormati, mematuhi, menyokong dan melaksanakan segala dasar dan peraturan UnIPSAS | Sentiasa menjunjung nama baik UnIPSAS |
| Mengutamakan tugas hakiki dan tidak membiarkan tugas luar atau peribadi mempengaruhi dan / atau menjelaskan tugas hakikinya kepada UnIPSAS | Membudayakan kualiti persekitaran yang selesa dan selamat. |
| Memahami dan menghayati konsep Nilai-nilai murni UnIPSAS | Memupuk kejujuran, integriti, akauntabiliti dalam aktiviti akademik dan bukan akademik |
| Mengamalkan sikap amanah dalam menjalankan tugas harian | Menghormati dan mempertahankan kebebasan pendapat, pandangan dan kebebasan berfikir rakan sejawat |

TANGGUNGJAWAB ANGGOTA KERJA UnIPSAS

“

إِنَّ اللَّهَ يُأْمِرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ
بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تُحْكُمُوا بِالْعُدْلِ ۝ إِنَّ اللَّهَ نِعَمًا يَعِظُكُمْ بِهِ
إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

(سورة النساء: 58).

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Maha Mendengar lagi sentiasa Maha Melihat.

Surah al-Nisa': 58

“

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلاً أَنْ يُفْقِنَهُ

Daripada A'isyah, bahawa Nabi S.A.W. bersabda :
"Sesungguhnya Allah Taala menyukai sekiranya seseorang dalam kalangan kamu melakukan sesuatu tugas, dia melakukannya dengan itqan (bersungguh-sungguh)"

Riwayat Abu Ya'la, al-Tabrani dan al-Baihaqi

KONFLIK KEPENTINGAN (*CONFLICT OF INTEREST*)

Konflik kepentingan terjadi apabila seseorang staf membelakangkan kewajipannya kepada universiti demi untuk kepentingan peribadinya.

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI UnIPSAS (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 2021

- PERATURAN 8 -

- 8(2) Seseorang pegawai tidak boleh –
(a) membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan peribadinya

CONTOH

Menguruskan perniagaan / pelaburan sendiri / isteri / anak / saudara-mara dalam waktu pejabat/tugas rasmi

Menyebelahi / memberi keutamaan kepada saudara - mara / rakan- rakan dalam menimbangkan sesuatu permohonan

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI UnIPSAS (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 2021

- PERATURAN 8 -

- 8(2) Seseorang pegawai tidak boleh -**
- (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugasnya**

CONTOH

Menguruskan tender / sebutharga sedangkan pegawai mengetahui ada di antara mereka yang mengemukakan tender / sebutharga terdiri daripada saudara-maranya

Mempunyai hubungan dengan pihak yang ada hubungan rasmi dengan tugas

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI UnIPSAS (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 2021

- PERATURAN 8 -

8(2) Seseorang pegawai tidak boleh -

(c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa

- (i) dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugasnya sehingga menjaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai UnIPSAS; atau**
- (ii) dia telah menggunakan kedudukannya bagi faedahnya sendiri**

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI UnIPSAS (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 2021

- PERATURAN 8 -

8(2) Seseorang pegawai tidak boleh -

- (d) Berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan / mencemar nama baik UnIPSAS**

CONTOH

Terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Disabitkan kesalahan jenayah / mahkamah syariah

Kesusahan berat kerana hutang

Melakukan gangguan seksual

AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694) SEKSYEN 3

Seksyen 3

**Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009 (Akta 694)**
memperincikan tafsiran saudara
di mana sebarang keputusan
yang dibuat hendaklah
tidak melibatkan kepentingan
saudara pegawai berkenaan.

PEMATUHAN KEPADA PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

- 8(2) Seseorang pegawai tidak boleh -
(e) kurang cekap atau kurang
berusaha

CONTOH

Gagal menguruskan penyata bank
dan buku tunai dengan teratur dan
bersistematik

Gagal memantau kerja pegawai
bawahan

Membuat pembayaran sebelum kerja
/ projek / bekalan belum selesai /
diterima

- 8(2) Seseorang pegawai tidak boleh -**
(f) tidak jujur atau tidak amanah

CONTOH

Mengemukakan tuntutan perjalanan palsu / elaun kerja lebih masa palsu

Mengemukakan Sijil Cuti Sakit palsu

**8(2) Seseorang pegawai tidak boleh -
(g) tidak bertanggungjawab**

CONTOH

Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah

Tidak memastikan semua maklumat dan dokumen UnIPSAS sentiasa terpelihara dan disimpan di tempat yang selamat

Berkelakuan cuai sehingga menyebabkan terdedahnya kerahsiaan sesuatu maklumat atau dokumen UnIPSAS

8(2) Seseorang pegawai tidak boleh -

**(h) membawa atau cuba
membawa apa-apa bentuk
pengaruh atau tekanan
luar untuk menyokong atau
memajukan apa-apa tuntutan
berhubung dengan atau
terhadap perkhidmatan awam,
sama ada tuntutan itu ialah
tuntutannya sendiri atau
tuntutan mana-mana pegawai
lain**

CONTOH

**Meminta ahli politik untuk menyokong
permohonannya mendapatkan
tanah Kerajaan atau rumah
atau sesuatu jawatan**

**Meminta orang kenamaan untuk
menggunakan jasa baiknya
mempengaruhi Lembaga Kenaikan
Pangkat untuk menaikkan pangkatnya**

8(2) Seseorang pegawai tidak boleh -

- (i) ingkar perintah**
- (j) cuai dalam melaksanakan tugasnya**

CONTOH

Tidak menjalankan arahan yang telah diberikan oleh Ketua Jabatan.

Menghilangkan harta UnIPSAS yang dalam simpanan pegawai

LARANGAN

LARANGAN MUTLAK (DITEGAH SAMA SEKALI)

- Gangguan Seksual
- Menyalahguna Dadah
- Menerima/ Memberi Keraian
- Menyenggara Taraf Hidup Melebihi Daripada Emolumen Rasmi Dan Pendapatan Persendirian Yang Sah
- Meminjam Wang / Menjadi Penjamin
- Keterhutangan Kewangan Yang Serius
- Meminjamkan Wang Dengan Bunga
- Penglibatan Dalam Pasaran Hadapan
- Cabutan Bertuah Dan Loteri
- Penerbitan Buku Berdasarkan Maklumat Terperingkat
- Penyunting Akhbar / Majalah / Jurnal
- Kegiatan Politik Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi / Kumpulan Pengurusan Dan Professional
- Tidak Hadir Bertugas Tanpa Cuti / Kebenaran / Sebab Yang Munasabah
- Skim Cepat Kaya

LARANGAN

LARANGAN BOLEH BUAT DENGAN KEBENARAN

- Pekerjaan Luar
- Etika Berpakaian
- Menerima Hadiah
- Pemunyaan Harta
- Penyataan Awam
- Kegiatan Politik
 - i) DG 41 Hingga DG 48
 - ii) Kumpulan Sokongan
 - iii) Cuti Sebelum Bersara
- Memulakan Prosiding Undang-Undang Dan Bantuan Guaman

PENUTUP

Semua Anggota Kerja UNIPSAS menghayati dan mengamalkan kod etika dan nilai serta mematuhi undang-undang, peraturan/pekeliling, dasar dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa.

Prinsip-prinsip moral dan etika yang dihayati ini akan menyerlahkan lagi keperibadian berkualiti Anggota Kerja UNIPSAS.

“

وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْتُوًّا

(سورة الإسراء: 34)

...dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.

Surah al-Isra': 34



**UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH**
جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية بيهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH
Bangunan Canselor, KM 8, Jalan Gambang,
25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel : 09 553 5555 Faks : 09 536 4421
www.unipsas.edu.my

DIMILIKI OLEH SISTEM PENDIDIKAN ISLAM PAHANG SDN. BHD. (472484-D)
(SYARIKAT MILIK PENUH KERAJAAN NEGERI PAHANG)